

D187

B B269 AAB  
MAHATHIR. R'R'R'

KUALA LUMPUR, 30 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN TERUS BERUSAHA MEMERANGI PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH DALAM MANA-MANA FORUM ANTARABANGSA TERMASUK DI BANGSA-BANGSA BERSATU DAN MENJANGKAKAN BAHAWA KERJASAMA ANTARABANGSA KE ARAH INI AKAN DIPERTINGKATKAN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENYALAHGUNAAN DADAH DAN PENGEDARAN DADAH (ICDAIT) DI VIENNA BARU-BARU INI MENCATATKAN SATU LANGKAH PENTING KE ARAH ITU.

KEJAYAAN PERSIDANGAN ITU DI MANA 138 NEGARA MENYATAKAN SOKONGAN TERHADAP PRINSIP-PRINSIP BERHUBUNG MASALAH MEMERANGI NAJIS DADAH PASTI MEMBANTU NEGARA INI SENDIRI MENCAPAI KEJAYAAN DALAM MENGHAPUSKAN WABAK ITU, KATA BELIAU DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MENEMPA SEJAPAH BAGI NEGARA APABILA DIPILIH MENJADI PRESIDEN PERSIDANGAN DUNIA ITU, KEMBALI KE TANAH AIR SEMALAM.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA BETAPA SERIUSNYA PANDANGAN BANYAK NEGARA DI DUNIA TERHADAP BAHAYA NAJIS DADAH SUDAH DAPAT DILIHAT DARIPADA KEHADIRAN 82 ORANG MENTERI SEBAGAI PERWAKILAN DI PERSIDANGAN ANJURAN BANGSA-BANGSA BERSATU ITU.

INI JUGA MERUPAKAN SATU DARIPADA CIRI KEJAYAAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI DADAH YANG TERBESAR PERNAH DIADAKAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI

1411MST 30 06 87

U B276 AAB  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PERINGKAT PLENARI DI PERSIDANGAN ITU BERKATA SOKONGAN LUAR BIASA DIPEROLEHI DARIPADA SEMUA 138 NEGARA, SEMASA PERBINCANGAN DUA BUAH KERTAS KERJA IAITU GARIS PANDUAN CARA-CARA BERTINDAK MENENTANG DADAH DAN KERTAS MENGENAI PENDIRIAN ATAU DEKLARASI MELAWAN DADAH.

KATANYA DENGAN SOKONGAN YANG DITUNJUKKAN TERHADAP KEDUA-DUA DOKUMEN TERSEBUT, WALAUPUN TERDAPAT SEDIKIT PERBEZAAN PENDAPAT, +UMUMNYA KITA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN DAN INI MERUPAKAN SATU LANGKAH PENTING DALAM USAHA MEMERANGI NAJIS DADAH. +

+DENGAN SOKONGAN DARIPADA 138 NEGARA INI JUGA BERMAKNA, KERJASAMA ANTARA NEGARA-NEGARA DI DUNIA DALAM MELAWAN DADAH AKAN MENINGKAT, + TAMBAH BELIAU.

BANYAK PRINSIP BERKENAAN DENGAN MASALAH DADAH DILIRIMA, ANTARANYA MERAMPAS HARTA ORANG-ORANG YANG TERLIBAT DALAM PENGEDARAN DADAH, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU MENJANGKAKAN BAHAWA DENGAN ADANYA GARIS PANDUAN CARA-CARA BERTINDAK MELAWAN DADAH, DUNIA AKAN MEMPERLIHATKAN KERJASAMA YANG LEBIH ERAT DALAM USAHA MEMERANGI MASALAH ITU. -- LAGI

1434MST 30 06 87

D207

B B284 AAB  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA SAMA ADA DI PERSIDANGAN ITU KETARA SATU ARAH ALIRAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA UNTUK MENGADAKAN UNDANG-UNDANG MEMBOLEHKAN HARTA PENJENAYAH DADAH DI NEGARA SELAIN DARIPADA NEGARNYA SENDIRI DIRAMPAS, BELIAU BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIBINCANGKAN.

+PERKARA ITU MASIH DALAM KAJIAN KERANA IA MEMPUNYAI IMPLIKASI YANG LUAS DAN KITA MAHU MEMPASTIKAN BAHAWA IA AKAN BERKESAN (JIKA DILAKSANAKAN),+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA PERSIDANGAN ITU TIDAK MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA PERSIDANGAN SEUMPAMA ITU DIADAKAN DARI MASA KE SEMASA, WALAUPUN TERDAPAT CADANGAN SUPAYA IA DIANJURKAN DUA ATAU LIMA TAHUN SEKALI, TETAPI AKAN MELAPORKAN KEPADA BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

MENGENAI JAWATANNYA SEBAGAI PRESIDEN PERSIDANGAN ITU, BELIAU BERKATA BAHAWA IA LUPUS DENGAN BERAKHIRNYA MESYUARAT ITU TETAPI JIKA BELIAU INGIN TAHU MENGENAI LANGKAH-LANGKAH SUSULAN YANG DIAMBIL, BELIAU BOLEH MEMINTA MAKLUMAT DARIPADA SEKRETARIAT.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERKATA TIDAK ADA PERUNTUKAN UNTUK MENGAWASI KEBERKESANAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN MEMERANGI DADAH YANG DITERIMA DI PERSIDANGAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA NEGARA INI SEDIA BERKONGSI PENGALAMAN DALAM PEMULIHAN PENAGIH-PENAGIH DADAH JIKA ADA NEGARA-NEGARA BERMINAT UNTUK MELIHATNYA. -- BERNAMA

1453MST 30 06 87